YEO KWEE HUAT

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-25-07]
27 DISEMBER 2010

KETERANGAN: *Pernyataan - Saksi - Kredibiliti - Sama ada perselisihan dan percanggahan kecil boleh memusnahkan kredibiliti saksi pendakwaan*

KETERANGAN: *Saksi - Kegagalan memanggil saksi tertentu - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Budibicara pendakwaan dalam memanggil saksi-saksi - Sama ada saksi material - Sama ada terdapat motif jahat di pihak pendakwaan dalam tidak memanggil saksi - Sama ada 'adverse inference' terpakai*

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan - Ucapan pembukaan - Sama ada wujud ketidakpastian atau kekeliruan dalam teks ucapan pembukaan - Sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan menepati dan selaras dengan kaedah pembuktian yang dinyatakan dalam ucapan pembukaan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B - Pengedaran - Mengedar 1393 gram 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine - Sama ada terdapat kekeliruan dalam ucapan pembukaan pendakwaan tentang pembuktian milikan dan pengedaran - Sama ada pendakwaan gagal membuktikan elemen pengetahuan dan pengedaran sebenar - Sama ada kredibiliti saksi-saksi polis tergugat kerana percanggahan dalam keterangan mereka - Sama ada inferens bertentangan berbangkit di bawah s. 114(g) atas kegagalan memanggil kesemua saksi polis - Sama ada ketiadaan cap jari perayu pada ekshibit-ekshibit memudaratkan kes pendakwaan - Sama ada anggapan di bawah s. 37(d) ADB terpakai - Sama ada kes prima facie dibuktikan*

Pada 29 Januari 2003, Ketua Inspektor Azhar (SP2) bersama-sama anggota pasukannya telah menahan perayu di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ("KLIA") dan telah membawanya ke pejabat narkotik. Ketika itu perayu sedang

memegang sebuah beg. Beg tersebut dalam keadaan berkunci dengan kombinasi nombor 041 ketika itu. Atas arahan SP2, perayu telah membuka beg tersebut dengan kombinasi nombor 321. SP2 telah menjumpai satu kotak kek di dalam beg tersebut. Kotak kek tersebut mengandungi dua bungkusan plastik jernih yang di dalamnya terdapat sejumlah pil-pil warna biru yang disyaki pil 'ecstacy'. Ketika itu SP2 melihat perayu dalam keadaan cemas dan mukanya pucat. Perayu telah dituduh dengan kesalahan mengedar 1393 gram 3,4- Methylenedioxymethamphetamine ("MDMA"), di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Menurut perayu, dia bersama-sama dengan seorang kawannya bernama Peter telah pergi ke Paris kerana Peter ingin memulakan perniagaan di sana dan telah mengajaknya melawat tempat perniagaannya itu. Peter juga berhasrat untuk menjadikannya rakan kongsi dalam perniagaan kedai makan di Pulau Pinang. Mereka telah sampai di Paris pada 25 Januari 2003. Setelah berada di Paris selama tiga hari, Peter telah memintanya berjumpa dengan rakannya bernama Ah Lee di Pulau Pinang untuk bertanyakan jenis makanan yang akan dijual di Paris kelak. Menurut perayu, semasa dia berada di lapangan terbang Paris untuk berlepas ke Kuala Lumpur, Peter telah memberitahunya bahawa Peter telah meletakkan satu kotak kek ke dalam begnya untuk diserahkan kepada Ah Lee di Pulau Pinang. Hakim perbicaraan telah mendapati bahawa: (i) pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* dengan menggunakan s. 37(d) Akta bagi membuktikan milikan setelah mendapati beg serta kotak kek tersebut berada di bawah jagaan dan kawalan perayu; (ii) tindakan perayu membawa dadah tersebut dalam kotak kek sepanjang perjalanan dari Paris hingga ke KLIA adalah termasuk dalam takrifan "pengedaran" di bawah s. 2 Akta; (iii) perayu gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s. 37(d) Akta mengenai pengetahuannya tentang dadah tersebut; dan (iv) perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Justeru, perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Perayu telah merayu terhadap keputusan itu atas alasan: (a) terdapatnya kekeliruan dalam ucapan pembukaan pendakwaan tentang pembuktian milikan dan pengedaran; (b) kegagalan membuktikan elemen pengetahuan dan pengedaran sebenar; (c) kredibiliti saksi-saksi polis berdasarkan perselisihan dan percanggahan yang dikatakan dalam keterangan mereka; (d) inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 atas kegagalan memanggil kesemua saksi polis; dan (e) ketiadaan cap jari perayu pada ekshibit-ekshibit.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tidak wujud apa-apa ketidakpastian atau kekeliruan dalam teks ucapan pembukaan di dalam kes ini. Ucapan pembukaan tersebut jelas menunjukkan bahawa pihak pendakwa akan mengasaskan kesnya kepada jagaan dan kawalan perayu ke atas dadah yang dipersoalkan dan seterusnya akan bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan pengetahuan. Bagi pengedaran pula, adalah juga jelas daripada pernyataan tersebut bahawa pihak pendakwa akan membuktikannya secara terus melalui inferens daripada fakta-fakta yang akan dikemukakan. Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa di peringkat kesnya adalah menepati dan selaras dengan kaedah pembuktian yang dinyatakan dalam pernyataan itu. *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* (dirujuk); *Wjchai Onprom v. PP* (dirujuk). (perenggan 18)

(2) Hakim perbicaraan, dalam mencapai keputusannya, telah membuat penilaian kehakiman yang betul apabila menolak kewujudan Peter. Beg serta kotak kek tersebut berada di bawah jagaan atau kawalan perayu pada semua masa material. Maka perayu hendaklah disifatkan, menurut s. 37(d) Akta, mempunyai milikan dan juga pengetahuan mengenai jenis dadah tersebut. Pembelaan perayu telah gagal mematahkan anggapan ini. (perenggan 22)

(3) Perbuatan perayu meletakkan dadah yang dipersoalkan itu dalam kotak kek dalam begnya dan membawanya sepanjang perjalanan dari Paris ke KLIA dengan tujuan untuk diserahkan kepada pihak ketiga di Pulau Pinang adalah 'pengedaran' dalam pengertian s. 2 Akta. Fakta-fakta itu ditimbang bersama dengan jumlah besar dadah yang terlibat dan fakta bahawa pembelaan perayu hanyalah penyangkalan semata-mata tentang pengetahuannya mengenai dadah tersebut, maka tiada apa-apa keraguan bahawa perayu bukanlah seorang pembawa pasif dadah tersebut. (perenggan 17 & 24)

(4) Perselisihan dan percanggahan kecil tidaklah mencukupi untuk memusnahkan kredibiliti SP2. Percanggahan-percanggahan kecil akan tetap wujud kerana dalam keadaan berlakunya kejadian itu, setiap saksi tidak akan mengingati perkara yang sama dan dia tidak akan mengingati dengan tepat setiap perkara yang telah berlaku. (perenggan 27)

(5) Dalam sesuatu perbicaraan jenayah pihak pendakwa mempunyai budi bicara sama ada hendak memanggil mana-mana saksi tertentu bagi membuktikan kesnya. Dua orang anggota yang tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan itu cuma berperanan sebagai pengiring semasa SP2 membawa perayu ke pejabatnya. Mereka tidak hadir di dalam bilik di mana SP2 menjalankan pemeriksaan ke atas beg perayu. Oleh itu, tiada apa-apa motif jahat di pihak pendakwaan kerana tidak memanggil atau menawarkan saksi-saksi ini kepada pihak pembelaan. Kedua-dua mereka bukanlah saksi penting dan material hingga boleh menimbulkan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) tersebut. (perenggan 29)

(6) Tiada keraguan bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg serta kotak kek dan dadah yang terkandung di dalamnya. Setelah elemen jagaan atau kawalan ini terbukti, maka anggapan di bawah s. 37(d) terpakai bagi menunjukkan milikan atau pengetahuan. Oleh itu, ketiadaan kesan cap jari pada ekshibit-ekshibit tersebut tidak langsung menjejaskan kes pendakwaan. (perenggan 31 & 32)

English *Translation Of Headnotes*

On 29 January 2003, Chief Inspector Azhar (PW2) and a team of police officers arrested the accused at the Arrival Hall, Kuala Lumpur International Airport ('KLIA') and thereafter ushered him to the narcotic office there. The appellant was at the material time holding a bag, locked then with the number combination 041. On PW2's instruction, the appellant opened up the bag using the number combination 321. Inside the bag, PW2 recovered a cake box containing two transparent plastic packets of blue pills suspected to be 'ecstacy'. At the point of the discovery, PW2 noticed the appellant looking scared with his face turning pale. Later, the appellant was charged with trafficking in 1393 grams 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine ('MDMA') under s. 39B Dangerous Drugs Act 1952. According to the appellant, he and a friend by the name of Peter had gone to Paris since Peter was starting a business there and had invited him to visit the said business site. Peter also wanted him to be a partner in his restaurant business in Penang. They arrived in Paris on 25 January 2003. However, three days later, Peter had asked him to see his friend by the name of Ah Lee in Penang, to discuss on the types of food to be sold in Paris. According to the appellant further,

while he was at the Paris airport on the way to Kuala Lumpur, Peter informed him that he (Peter) had placed a cake box in his bag for onward delivery to Ah Lee in Penang. The trial judge ruled that: (i) the prosecution had proved a *prima facie* case after invoking s. 37(d) of the Act to prove possession following the finding that the appellant had custody and control of the bag and the box; (ii) the appellant's act in carrying the drugs in the cake box throughout the flight from Paris to KLIA came within the meaning of 'trafficking' in s. 2 of the Act; (iii) the appellant failed to rebut the statutory presumption under s. 37(d) of the Act on his knowledge of the drugs; and (iv) the appellant failed to raise any reasonable doubt against the prosecution's case. The appellant, in the circumstances, was convicted of the offence and sentenced to death. The appellant appealed against the decision on the grounds that: (a) there was alleged discrepancy in the opening address of the prosecution on proof of possession and trafficking; (b) the prosecution failed to prove the elements of knowledge and actual trafficking; (c) there were discrepancies and contradictions in their evidence of the police witnesses as to adversely affect their credibility; (d) adverse inference under s. 114(g) Evidence Act 1950 ought to be drawn against the prosecution for the failure to call in all the police witnesses; and (e) the absence of the appellant's finger-print on the exhibits must be construed against the prosecution.

Held (dismissing appeal)
Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the court:

(1) There was no uncertainty or confusion in the text of the opening address in this case. The opening address clearly showed that the prosecution would be relying on proof of custody and control of the proscribed drugs and would be invoking the presumption of s. 37(d) of the Act for proof of knowledge. As for trafficking, it was clear from the address that the prosecution would be seeking to prove its case directly by way of inferences from the facts adduced. The evidence as advanced by the prosecution in its stage was in tangent with the methodologies of proof highlighted in the address. *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* (refd); *Wjchai Onprom v. PP* (refd).

A **(2)** The trial judge had made a proper evaluation in coming to his conclusion and rejecting Peter's existence. The bag as well as the cake box was in the custody and control of the appellant at all material times, and the appellant, therefore, ought to be presumed, pursuant to s. 37(d) of the Act, to have possession
B and knowledge of the drugs. The appellant's defence failed to rebut this.

(3) The appellant's act in placing the proscribed drugs in the cake box and the bag and carrying same throughout the flight from
C Paris to KLIA with the intention of delivering it to a third party in Penang is 'trafficking' within the meaning of s. 2 of the Act. These facts, together with the large quantity of the drugs and the fact that the defence was only a mere denial of any knowledge of the drugs, had been evaluated and
D considered, leaving no doubt that the appellant was not a passive carrier of the drugs in question.

(4) Minor contradictions and discrepancies are insufficient to destroy PW2's credibility. Minor contradictions will always appear since, in the circumstance in which the incident
E occurred, not every witness will remember the same thing or be able to remember all the events that transpired.

(5) In any criminal trial, the prosecution has a discretion whether or not to call any particular witness to prove its case. The
F two policemen who were not offered to the defence here were only acting as escort when PW2 ushered the appellant to his office. They were not present when PW2 examined the appellant's bag. There was therefore no *mala fides* on the part of the prosecution in not calling or offering them to the
G defence. They were not material or important witnesses as would justify the invocation of adverse inference under s. 114(g).

(6) There was no doubt that the appellant had custody and
H control of the cake box and the drugs therein. Upon proof of the elements of custody or control, the presumption under s. 37(d) may be invoked to show possession or knowledge. Hence, the absence of fingerprint evidence on the exhibits did not any way affect the prosecution's case.

I

Kes-kes yang dirujuk:
Andy Bagindah v. PP [2000] 3 CLJ 289 CA ***(dirujuk)***
Asdanusi Daut & Anor v. PP [2004] 3 CLJ 669 CA ***(dirujuk)***
Johar Mustapha v. PP [2009] 6 CLJ 193 FC ***(dirujuk)***
Koh Chai Peng v. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 64 ***(dirujuk)***
Low Kian Boon & Anor v. PP [2010] 5 CLJ 489 FC ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP And Another Appeal [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris & Ors [1977] 1 LNS 92 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Hock Boon [2009] 3 CLJ 430 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Saad Ibrahim v. PP [1967] 1 LNS 154 HC ***(dirujuk)***
Wjchai Onprom v. PP [2006] 3 CLJ 724 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 179(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da), 39B
Evidence Act 1950, ss. 114(g), 134

Bagi pihak perayu - Bernard George; T/n Tay, Bernard & Cheong
Bagi pihak pendakwaan - Samihah Rhazali TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Perayu telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana kesalahan mengedar 1393 gram 3,4- Methylenedioxymethamphetamine ("MDMA"), di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Perayu telah merayu ke mahkamah ini terhadap keputusan itu. Di akhir pendengaran, kami telah dengan sebulat suara menolak rayuan itu dan mengekalkan perintah hakim perbicaraan. Alasan-alasan keputusan kami adalah seperti berikut.

Kes Pendakwaan

[2] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa daripada saksi-saksi pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

[3] Pada pagi 29 Januari 2003, Ketua Inspektor Azhar (SP2), seorang pegawai narkotik, menjalankan tugas pemantauan di Balai Ketibaan, Aras 3, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ("KLIA") bersama-sama anggota pasukannya. Pada jam 7.50 pagi, dia melihat seorang lelaki Cina sedang berjalan keluar dari balai itu setelah mengambil sebuah beg dari karusel C. Lelaki itu telah tiba dengan penerbangan MH21 dari Lapangan Terbang Charles De Gaulle, Paris. Sebelum lelaki itu sampai ke bahagian pemeriksaan kastam di balai yang sama, SP2 telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis kepada lelaki itu, dan pada masa yang sama telah meminta pasportnya. Ketika itu lelaki itu sedang memegang di tangan kanannya sebuah beg berjenama POLO berwarna biru (P15). Lelaki itu adalah perayu, seorang warga negara dan pemegang pasport Singapura.

[4] SP2 seterusnya telah menahan perayu dan membawanya ke pejabat narkotik di aras yang sama dengan diiringi oleh empat orang anggota pasukannya. Beg masih berada ditangan perayu. Di pejabat itu, SP2 telah memeriksa pasport perayu dan mendapati di dalamnya suatu tag tuntutan bagasi (P22). Dia telah membandingkan nombor pada tag itu dengan nombor tag pengenalan bagasi pada beg tersebut dan mendapati kedua-duanya selaras.

[5] Beg tersebut dalam keadaan berkunci dengan kombinasi nombor 041 ketika itu. Atas arahannya, perayu telah membuka beg tersebut dengan kombinasi nombor 321. Dia telah memeriksa beg itu dan mendapati di bahagian atasnya sebuah beg kanvas hitam (P16) dan di bawahnya terdapat beberapa helai pakaian. Setelah mengeluarkan pakaian dan beg hitam tersebut, SP2 nampak satu kotak kek (P13) di bahagian bawah beg itu. Dia seterusnya telah mengeluarkan kotak kek tersebut dan membuka bahagian tepi kotak itu. Apabila dibuka, dia menemui di dalam kotak tersebut dua bungkusan plastik jernih yang di dalamnya terdapat sejumlah pil-pil warna biru yang disyaki pil "ecstacy". Ketika itu SP2 melihat perayu dalam keadaan cemas dan mukanya pucat. Setelah dikira, dia mendapati bungkusan plastik pertama (P14A) mengandungi 5000 biji pil dan bungkusan kedua (P14B) mengandungi 4800 biji pil.

[6] SP2 telah memegang kedua-dua bungkusan plastik mengandungi pil-pil tersebut sebelum menyerahkannya bersama-sama dengan barang-barang kes lain kepada Ketua Inspektor Wan Mazlan (SP4) yang telah sampai ke pejabat itu setelah

dimaklumkan tentang tangkapan tersebut. SP4 telah membawa balik dan menyimpan kotak kek dan kedua-dua bungkusan pil tersebut di dalam almari berkunci di bilik pejabatnya. Pada 4 Februari 2003, SP4 telah memindahkan pil-pil tersebut ke dalam dua paket berasingan yang disediakannya, dan kemudiannya telah memasukkan kedua-dua bungkusan tersebut ke dalam satu kotak yang dimeteraikan. Pada hari yang sama dia telah menyerahkan kotak yang berisi kedua-dua bungkusan pil tersebut kepada Ahli Kimia En. Nazaruddin (SP1) untuk dianalisis. Hasil analisis yang dijalankannya, SP1 mengesahkan bahawa pil-pil tersebut mengandungi 1393 gram MDMA, iaitu dadah berbahaya yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta.

Kes Pembelaan

[7] Di peringkat pembelaan, perayu telah memberikan keterangan secara bersumpah, dan keterangannya, setakat yang relevan adalah seperti berikut. Dia adalah seorang pemandu teksi di Singapura. Pada 24 Januari 2003 dia bersama-sama dengan seorang kawannya bernama Peter telah berlepas dari lapangan terbang Singapura ke Paris. Peter ingin memulakan perniagaan di sana dan telah mengajaknya melawat tempat perniagaannya itu. Peter juga berhasrat untuk menjadikannya rakan kongsi dalam perniagaan kedai makan di Pulau Pinang. Mereka telah sampai di Paris pada 25 Januari 2003. Setelah berada di Paris selama tiga hari, Peter telah memintanya berjumpa dengan rakannya bernama Ah Lee di Pulau Pinang. Menurut perayu Ah Lee adalah seorang tukang masak yang juga berhasrat menjadi rakan kongsi perniagaan Peter di Paris, dan tujuannya menemui Ah Lee adalah untuk bertanyakan jenis makanan yang akan dijual di Paris kelak.

[8] Pada 28 January 2003 dia telah berlepas dari lapangan terbang Paris ke Kuala Lumpur. Dia hanya membawa sebuah beg. Dia di hantar ke lapangan terbang oleh Peter. Semasa di lapangan terbang dia telah pergi ke tandas dan bersiar-siar dan meninggalkan begnya dengan Peter. Apabila dia menemui Peter semula, Peter memberitahunya dia telah membeli sekotak kek di lapangan terbang itu dan meletakkannya di dalam begnya. Dia telah membuka begnya dan melihat kotak kek tersebut, tetapi dia tidak membuka kotak tersebut. Peter memintanya menyerahkan kotak kek itu kepada Ah Lee di Pulau Pinang. Peter juga telah membantunya mendaftar masuk dan mengisi borang yang diperlukan bagi maksud itu.

[9] Setelah mendarat di KLIA, dia telah pergi ke karusel di tempat tuntutan bagasi. Dia mendapati begnya telah diletakkan di atas lantai di bawah beberapa beg lain jauh dari karusel. Dia telah mengambil begnya dan menghampiri seorang pegawai yang bertugas di situ untuk bertanyakan jalan keluar. Pegawai itu telah membawanya ke sebuah pejabat di mana dia telah di suruh membuka begnya. Dia menafikan beg kanvas hitam (P16) dalam beg tersebut miliknya. Bagaimanapun dia mengakui terdapatnya kotak kek (P13) dalam beg tersebut tetapi bagaimanapun menafikan mempunyai apa-apa pengetahuan tentang dadah yang dijumpai didalamnya.

[10] Pihak pembelaan turut memanggil dua orang anggota pasukan narkotik yang turut bertugas bersama-sama SP2 di balai ketibaan pada hari tangkapan itu. Saksi pertama, Sjn Chew Cheng Ting (SD2), dalam keterangannya menyatakan dia telah mengiringi perayu semasa SP2 membawanya ke pejabat narkotik. Dia melihat perayu membawa beg P15. Semasa pemeriksaan hanya dia dan SP2 berada dalam bilik itu. Apabila perayu membuka begnya dia melihat ada satu beg hitam di bahagian atas dan di bawahnya terdapat beberapa helai pakaian. Di tengah-tengahnya terletak satu kotak kek. Apabila SP2 membuka kotak kek itu, dia melihat ada dua bungkusan plastik yang mengandungi pil-pil di dalamnya. Saksi polis kedua ialah SM Johari Ahmad (SD3). Dia menyatakan pada hari itu dia bertugas di karusel C kawasan tuntutan bagasi. Dia pertama kali melihat perayu setelah dia dipanggil oleh SP2. Dia mengikuti SP2 bersama perayu ke pejabat narkotik tetapi dia tidak masuk ke dalam pejabat.

Dapatan Hakim Perbicaraan

[11] Pada penutup kes pendakwaan, hakim perbicaraan berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* dengan menggunakan s. 37(d) Akta bagi membuktikan milikan setelah mendapati beg P15 serta kotak kek P13 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan berada di bawah jagaan dan kawalan perayu. Bagi pengedaran, hakim perbicaraan mendapati tindakan perayu membawa dadah tersebut dalam kotak kek sepanjang perjalanan dari Paris hingga ke KLIA adalah termasuk dalam takrifan "pengedaran" di bawah s. 2 Akta. Berkenaan dengan pembelaan perayu, hakim perbicaraan mendapati bahawa perayu telah gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s. 37(d) Akta mengenai pengetahuannya tentang dadah tersebut. Hakim perbicaraan juga mendapati perayu telah gagal menimbulkan

keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan bahawa perayu telah membawa dadah tersebut dalam pengertian pengedaran di bawah s. 2 Akta. Justeru, beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu dengan melampaui keraguan yang munasabah.

Rayuan Di Hadapan Mahkamah Ini

[12] Di hadapan kami, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan alasan-alasan rayuan yang berikut, iaitu:

(a) Terdapatnya kekeliruan dalam ucapan pembukaan pendakwaan tentang pembuktian milikan dan pengedaran;

(b) Kegagalan membuktikan elemen pengetahuan dan pengedaran sebenar.

(c) Kredibiliti saksi-saksi polis;

(d) Inferens bertentangan di bawah s. 114(g) atas kegagalan memanggil kesemua saksi polis.

(e) Ketiadaan cap jari perayu pada ekshibit-ekshibit.

Ucapan Pembukaan, Sama Ada Mengelirukan, dsb

[13] Isu yang dibangkitkan ini adalah berkaitan dengan s. 179(1) Kanun Tatacara Jenayah yang menghendaki pihak pendakwa menyatakan secara ringkas pada pembukaan kesnya jenis kesalahan yang dipertuduhkan dan keterangan yang hendak dikemukakan bagi membuktikan kebersalahan tertuduh. Dalam rayuan sekarang ini ucapan atau pernyataan pembukaan pihak pendakwa (P3), setakat yang relevan, berbunyi seperti berikut:

> OKT di dalam kes ini adalah seorang warganegara Singapura. Beliau telah dituduh memperedarkan dadah berbahaya jenis 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) seberat 1399 gram di bawah seksyen 39B(1)(a) ADB. Kejadian dikatakan berlaku pada 29 Januari 2003, jam lebih kurang 7.50 pagi di KLIA.
>
> Pihak pendakwaan akan memanggil lebih kurang 6 orang saksi untuk membuktikan kes kami terhadap OKT ditahap melampaui keraguan yang munasabah. Kami juga akan menggunakan beberapa keterangan dokumentari.
>
> Pihak pendakwaan akan membawa keterangan terus bahawa dadah tersebut sememangnya di bawah kawalan serta jagaan OKT. Pihak pendakwa akan menggunakan keterangan terus dan anggapan statutori bagi menunjukkan OKT tahu apa yang beliau miliki.

A Seterusnya pihak pendakwaan akan juga menggunakan seksyen 2 ADB bagi membuktikan perbuatan pengedaran yang telah dilakukan oleh OKT.

[14] Berdasarkan pernyataan itu, peguam terpelajar perayu menegaskan bahawa, mengikut fahamannya, pihak pendakwa akan membuktikan "milikan" dadah yang dipersoalkan melalui keterangan terus, dan seterusnya akan menggunakan anggapan di bawah s. 37(da) Akta bagi membuktikan pengedaran. Menurut beliau, pernyataan itu ternyata bercanggah dengan kes pendakwaan di mana pihak pendakwa, pada penutup kesnya, telah bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) bagi membuktikan milikan, dan kemudiannya membuktikan pengedaran sebenar mengikut takrifan ungkapan itu di bawah s. 2 Akta. Beliau menegaskan tindakan pihak pendakwa sedemikian telah memprejudiskan dan menyebabkan ketidakadilan kepada kes pembelaan.

[15] Kedudukan undang-undang mengenai kesan sesuatu ucapan pembukaan ke atas kes pendakwaan telah dibincangkan dalam beberapa keputusan kehakiman. Dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, Mahkamah Persekutuan telah berhadapan dengan isu sama ada kes pendakwaan akan terhad kepada apa yang dikatakan dalam ucapan pembukaannya. Telah diputuskan bahawa sesuatu keputusan boleh dibuat atas asas yang tidak dinyatakan oleh pihak pendakwa dalam ucapan pembukaannya tetapi ia hendaklah dilakukan dengan cara yang tidak akan mendatangkan mudarat atau ketidakadilan kepada tertuduh.

[16] Dalam kes *Wjchai Onprom v. PP* [2006] 3 CLJ 724, pihak pendakwa pada pembukaan kesnya tidak menyentuh sama ada hendak bergantung kepada pembuktian pengedaran terus atau bersandarkan kepada anggapan di bawah s. 37(da) Akta. Dalam kes itu mahkamah telah mengingatkan bahawa adalah bertentangan dengan prinsip keadilan jenayah asasi untuk membenarkan pihak pendakwa mengambil pendirian yang berubah-ubah, dan kemudiannya cuba memadankan fakta kesnya dengan mana-mana peruntukan Akta. Jika dalam keadaan-keadaan tertentu tindakan sedemikian menyebabkan ketidakadilan, maka mahkamah boleh campur tangan dan mengetepikan sesuatu sabitan.

[17] Adalah jelas daripada kes-kes tersebut di atas bahawa mahkamah boleh membuat sesuatu keputusan atas asas yang lain daripada yang dinyatakan dalam ucapan pembukaan pihak pendakwa, dengan syarat ia tidak memprejudiskan atau

menyebabkan ketidakadilan kepada tertuduh. Di dalam kes pengedaran dadah berbahaya khususnya, pihak pendakwa mempunyai pilihan-pilihan tertentu bagaimana hendak membuktikan kesnya, dan oleh itu bagi mengelakkan sebarang kekeliruan pihak pendakwa hendaklah pada permulaan kesnya membayangkan kepada pihak pembelaan pendekatan yang hendak diambilnya.

[18] Walau apa pun, dalam kes sekarang ini kami mendapati tidak wujud apa-apa ketidakpastian atau kekeliruan dalam teks ucapan pembukaan yang dimaksudkan. Pada fahaman kami, ucapan pembukaan tersebut jelas menunjukkan bahawa pihak pendakwa akan mengasaskan kesnya kepada jagaan dan kawalan perayu ke atas dadah yang dipersoalkan dan seterusnya akan bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan pengetahuan, iaitu satu elemen yang perlu dibuktikan bagi kes pengedaran sebenar. Bagi pengedaran pula, adalah juga jelas daripada pernyataan tersebut bahawa pihak pendakwa akan membuktikannya secara terus melalui inferens daripada fakta-fakta yang akan dikemukakan. Kami tidak meragui bahawa keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa di peringkat kesnya adalah menepati dan selaras dengan kaedah pembuktian yang dinyatakan dalam pernyatan itu. Oleh itu ternyata tiada merit dalam isu yang dibangkitkan ini.

Pengetahuan Dan Pengedaran Sebenar, Sama Ada Terbukti

[19] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa pengetahuan mengenai dadah yang dipersoalkan adalah suatu elemen yang perlu dibuktikan walaupun pihak pendakwa memilih untuk membuktikan pengedaran secara terus (lihat, antara lain, *Asdanusi Daut & Anor v. PP* [2004] 3 CLJ 669). Pengetahuan boleh dibuktikan secara terus melalui pembuktian fakta-fakta yang darinya inferens boleh dibuat bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan (lihat *Saad Ibrahim v. Public Prosecutor* [1967] 1 LNS 154; *Ong Ah Chuan v. Public Prosecutor And Another Appeal* [1980] 1 LNS 181). Pihak pendakwa juga boleh bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) mengenai pengetahuan setelah terbukti bahawa seseorang tertuduh itu mempunyai jagaan atau kawalan ke atas benda yang mengandungi dadah tersebut. (lihat *PP v. Lim Hock Boon* [2009] 3 CLJ 430).

[20] Sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu, hakim perbicaraan, dalam pembuktian milikan dan pengetahuan, telah bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta setelah berpuas hati bahawa beg P15 dan kotak kek P13 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu berada di bawah jagaan dan kawalan perayu semasa dia ditangkap di KLIA. Bagaimanapun, peguam terpelajar perayu menegaskan bahawa hakim perbicaraan telah gagal menimbangkan keterangan perayu bahawa dialah yang mula-mula menghampiri SP2, yang ketika itu memakai pass polis, untuk bertanyakan jalan keluar. Perayu juga telah mengikuti SP2 sebagaimana yang diarahkan tanpa menunjukkan apa-apa reaksi yang konsisten dengan seseorang yang membawa barang salah. Kotak kek itu juga masih berseal. Peguam terpelajar menghujahkan keadaan kotak kek tersebut jika ditimbangkan bersama dengan reaksi dan kelakuan perayu sebelum dan semasa tangkapan sudah mencukupi untuk mematahkan, atas imbangan kebarangkalian, anggapan pengetahuan di bawah s. 37(d) tersebut.

[21] Kami mendapati hakim perbicaraan, dalam penghakimannya, telah menurunkan keterangan perayu dengan panjang lebar bermula dengan pemergiannya ke Paris dengan "Peter" dan tujuannya ke Paris. Hakim perbicaraan juga telah mengambil maklum tentang penjelasan yang diberikan oleh perayu mengenai apa yang berlaku di Lapangan Terbang Paris, termasuk meninggalkan begnya dengan Peter semasa dia pergi ke tandas dan bersiar-siar dan bagaimana dia diberitahu oleh Peter tentang sekotak kek yang telah dimasukkannya ke dalam beg P15 sebagai hadiah untuk rakannya Ah Lee di Penang. Hakim perbicaraan turut meneliti keterangan perayu mengenai apa yang dikatakan berlaku setibanya di KLIA, termasuk keterangan perayu yang dihuraikan oleh peguam terpelajar di atas. Setelah mengambil kira keterangan-keterangan tersebut, hakim perbicaraan berpuas hati bahawa kotak kek P13 yang dijumpai oleh SP2 adalah kotak kek yang diakui oleh perayu berada dalam begnya sewaktu di Paris. Tiada keterangan bahawa beg tersebut telah diganggu oleh pihak ketiga setelah beg itu didaftar-masuk di Paris, dan semasa dalam penerbangan hingga ia dituntut oleh perayu di KLIA. Seterusnya hakim perbicaraan telah menolak pembelaan perayu tentang kewujudan Peter yang dikatakannya telah memasukkan kotak kek tersebut telah ke dalam begnya.

[22] Setelah mengambil kira faktor-faktor yang dinyatakan di atas, kami tidak dapat menerima hujah peguam terpelajar mengenai isu pengetahuan ini. Adalah ternyata kepada kami bahawa hakim perbicaraan, dalam mencapai keputusannya, telah membuat penilaian kehakiman yang betul apabila menolak kewujudan Peter atas alasan-alasan yang diberikannya. Setelah menolak watak Peter, tiada sebab untuk meragui bahawa kotak kek yang dijumpai oleh SP2 dalam beg perayu adalah kotak yang sama yang dibawanya dari Paris. Keterangan jelas menunjukkan bahawa beg yang mengandungi kotak kek tersebut masih berkunci semasa ia mula kelihatan dibawa oleh perayu dan hanya dibuka di hadapan SP2 dengan menggunakan kombinasi nombor yang jelas diketahui oleh perayu. Dengan yang demikian tiada kemungkinan yang beg itu telah diusik atau diganggu semasa dalam perjalanan. Kami bersependapat dengan hakim perbicaraan bahawa beg P15 serta kotak kek P13 tersebut berada di bawah jagaan atau kawalan perayu pada semua masa material. Setelah mendapati kotak kek tersebut mengandungi dadah yang dipersoalkan maka perayu hendaklah disifatkan, menurut s. 37(d) Akta, mempunyai milikan dan juga pengetahuan mengenai jenis dadah tersebut. Kami juga bersetuju dengan hakim perbicaraan bahawa pembelaan perayu juga telah gagal mematahkan anggapan ini atas alasan-alasan yang disebut terdahulu.

[23] Berkenaan dengan pengedaran, Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, telah menyatakan dengan jelas bahawa keputusan kes *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170 hanya melarang penggunaan anggapan berganda di bawah s. 37(d) dan 37(da) Akta, dan dengan itu pihak pendakwa boleh bergantung kepada salah satu daripada anggapan tersebut. Pihak pendakwa boleh membuktikan milikan sebenar ke atas dadah yang dimaksudkan dan seterusnya bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(da) bagi membuktikan pengedaran, atau sebaliknya pihak pendakwa boleh bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan milikan dan pengetahuan dan, kemudiannya membuktikan melalui keterangan terus bahawa tertuduh sebenarnya mengedar dadah berbahaya yang dimaksudkan.

[24] Dalam kes *Johar Mustapha v. PP* [2009] 6 CLJ 193, Mahkamah Persekutan telah mengikuti kes *Ong Ah Chuan v. Public Prosecutor And Another Appeal* [1980] 1 LNS 181, dengan menggunakan "the purpose approach" bagi membuktikan tujuan yang sesuatu perbuatan itu dilakukan. Ringkasnya, mengikut

pendekatan ini, jika tiada pengakuan yang nyata oleh seseorang tertuduh, maka tujuannya melakukan sesuatu perbuatan itu adalah soal inferens daripada perbuatan yang dilakukannya itu. Dalam kes sekarang ini kami bersetuju dengan penemuan hakim perbicaraan bahawa perbuatan terang-terangan perayu meletakkan dadah yang dipersoalkan itu dalam kotak kek dalam begnya dan membawanya sepanjang perjalanan dari Paris ke KLIA dengan tujuan untuk diserahkan kepada pihak ketiga di Pulau Pinang adalah 'pengedaran' dalam pengertian s. 2 Akta. Kami ingin menambah bahawa jika fakta-fakta itu ditimbang bersama dengan jumlah besar dadah yang terlibat dan fakta bahawa pembelaan perayu hanyalah penyangkalan semata-mata tentang pengetahuannya mengenai dadah tersebut, maka tiada apa-apa keraguan bahawa perayu bukanlah seorang pembawa pasif dadah tersebut.

Kredibiliti Saksi-Saksi Polis

[25] Peguam terpelajar perayu telah mempersoalkan kredibiliti saksi-saksi polis berdasarkan perselisihan dan percanggahan yang dikatakan dalam keterangan mereka mengenai kombinasi nombor pada beg P15 semasa tangkapan dan mengenai peristiwa di tempat tangkapan. Perselisihan keterangan mengenai kombinasi nombor tersebut dikatakan wujud dalam pemeriksaan balas SP2 di mana pada mulanya dia mengatakan tidak membuat apa-apa catatan mengenai nombor yang dimaksudkan tetapi kemudiannya menyatakan telah membuat catatan sedemikian. Percanggahan kedua dikatakan berlaku dalam keterangan SP2, SD2 dan SD3. Perlu dingatkan kembali bahawa SD2 dan SD3 adalah anggota pasukan SP2 yang telah ditawarkan kepada pihak pembelaan pada penutup kes pendakwan. Mengenai isu ini, peguam terpelajar telah merujuk kepada keterangan SP2 yang menyatakan empat orang anggotanya, termasuk Sjn Major Johari (SD3) dan Sjn Chew (SD2), turut mengiringi perayu ke pejabat narkotik. Walaupun SD3 mengaku turut mengiringi perayu ketika itu tetapi menurut peguam terpelajar itu keterangan kedua-dua saksi ini ternyata bercanggah dengan keterangan SD2 yang menyatakan hanya dia dan SP2 yang mengiringi perayu.

[26] Mengenai isu kombinasi nombor tersebut, kami bersetuju dengan pihak pembelaan bahawa keterangan mengenainya adalah penting bagi menunjukkan sama ada beg tersebut berkunci atau selainnya. Setelah mengamati keterangan SP2, kami mendapati keterangan yang diberikannya mengenai kombinasi nombor tersebut adalah konsisten di kesemua peringkat pemeriksaan, iaitu sebelum

dibuka kombinasi nombor pada kunci beg ialah 041 dan telah dibuka oleh perayu dengan kombinasi nombor 321. Kombinasi-kombinasi nombor tersebut turut disokong oleh SD2 yang turut dipanggil oleh pihak pembelaan. Perselisihan yang wujud adalah sama ada SP2 ada membuat apa-apa catatan mengenai kombinasi nombor tersebut yang pada pendapat kami tidaklah begitu material hingga boleh menjejaskan kredibiliti saksi-saksi ini. Walau apa pun dalam laporan polis (P25) yang dibuatnya pada hari yang sama, SP2 telah menyatakan secara khusus bahawa "... sebelum membuka kunci beg bernombor 041 dan sabjek telah buka dengan no kunci 321 ...".

[27] Begitu juga kami mendapati tiada percanggahan yang ketara dalam keterangan saksi-saksi polis mengenai anggota-anggota pasukan narkotik yang mengiringi SP2 dan perayu ke pejabat narkotik. SD2 dan SD3 kedua-duanya mengesahkan mereka turut serta mengiringi perayu dan hanya SD3 yang mengiringi perayu masuk ke bilik di pejabat narkotik untuk disoal siasat. Walaupun SD2 menyatakan hanya dia dan SP2 yang mengiringi perayu ke pejabat itu tetapi pada pendapat kami ia hanya percanggahan kecil dan tidak menjejaskan kredibiliti SP2 yang telah memberi keterangan bagi pihak pendakwaan. Perlu juga ditegaskan di sini dalam menilai kebolehpercayaan saksi-saksi, mahkamah rayuan tidak sepatutnya menggangu dapatan hakim perbicaraan kerana beliau adalah orang yang lebih layak untuk membuat pertimbangan sedemikian (lihat *Andy Bagindah v. PP* [2000] 3 CLJ 289). Dalam kes sekarang ini, hakim perbicaraan telahpun menerima keterangan SP2 dalam mensabitkan perayu, dan kami mendapati perselisihan dan percanggahan kecil yang disebut terdahulu semata-mata tidaklah mencukupi untuk memusnahkan kredibili SP2. Percanggahan-percanggahan kecil sebegini akan tetap wujud kerana sebagaimana yang disarankan oleh Raja Azlan Shah FJ (Baginda pada masa itu) dalam kes *Public Prosecutor v. Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 LNS 92, dalam keadaan berlakunya kejadian itu, setiap saksi tidak akan mengingati perkara yang sama dan dia tidak akan mengingati dengan tepat setiap perkara yang telah berlaku. Soalnya ialah sama ada kewujudan sesuatu perselisihan itu mencukupi untuk memusnahkan kredibiliti mereka.

A **Kegagalan Memanggil Saksi-Saksi Polis Lain, dsb.**

[28] Adalah tidak dipertikaikan selain daripada SP2 terdapat empat orang anggota lain, iaitu DSM Johari, Sjn Chew, Sjn Rahman dan Kpl Tahariff, yang hadir semasa perayu ditahan dan
B dibawa ke pejabat narkotik. Di antara mereka, hanya SP2 yang dipanggil sebagai saksi pendakwaan, manakala Sjn Chew dan DSM Johari yang telah ditawarkan kepada pihak pembelaan telah memberi keterangan sebagai saksi-saksi pembelaan. Peguam terpelajar perayu menghujahkan kegagalan memanggil atau
C menawarkan Sjn. Rahman dan Kpl. Tahariff membolehkan inferens bertentangan (adverse inferens) dibuat terhadap pihak pendakwa di bawah s. 114(g) Akta Keterangan.

[29] Telah dijelaskan dalam beberapa keputusan kehakiman
D bahawa dalam sesuatu perbicaraan jenayah pihak pendakwa mempunyai budi bicara sama ada hendak memanggil mana-mana saksi tertentu bagi membuktikan kesnya. Prinsip ini telah ditegaskan sekali lagi oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Low Kian Boon & Anor v. PP* [2010] 5 CLJ 489, yang merujuk kepada kes *Public*
E *Prosecutor v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3), supra*, di mana Augustine Paul J (beliau pada masa itu) berkata bahawa dalam perbicaraan jenayah pihak pendakwa mempunyai budi bicara, dengan syarat tidak ada motif yang salah, sama ada atau tidak hendak memanggil mana-mana saksi tertentu dan khususnya
F mempunyai budi bicara untuk tidak memanggil bagi menyokong kesnya seorang saksi yang tidak dipercayai kejujurannya. Dalam kes yang sama, telah diputuskan bahawa tidak timbul apa-apa inferens bertentangan hanya oleh sebab kegagalan memanggil seseorang saksi jika terdapat keterangan lain yang mencukupi untuk
G menyokong kes pendakwaan. Keputusan-keputusan ini ternyata selaras dengan s. 134 Akta Keterangan yang memperuntukkan bahawa tiada bilangan tertentu saksi dikehendaki untuk membuktikan sesuatu fakta. Begitu juga dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221,
H Mahkamah Agong telah memutuskan, antara lain, bahawa sesuatu inferens bertentangan di bawah s. 114(g) akan berbangkit bukan kerana kegagalan mengemukakan seorang saksi tetapi kerana kegagalan memanggil saksi penting dan material.

[30] Berbalik kepada fakta kes sekarang ini, pihak pendakwa telah
I memilih untuk bergantung kepada hanya seorang saksi, iaitu SP2, bagi menghuraikan naratif kesnya di tempat kejadian. Kes pendakwaan adalah jelas dan mudah. SP2 telah menahan perayu

secara rambang di balai ketibaan KLIA. Dia telah memeriksa beg yang dibawa oleh perayu dan menjumpai di dalamnya sebuah kotak kek yang mengandungi dadah yang dipersoalkan. Tiada pertikaian mengenai fakta ini. Isu yang perlu diputuskan berkisar kepada soal sama ada perayu seorang pembawa pasif yang tidak mengetahui tentang kewujudan dadah dalam kotak kek yang dimaksudkan. Juga, jika diperhatikan dua orang anggota yang tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan itu cuma berperanan sebagai pengiring semasa SP2 membawa perayu ke pejabatnya. Mereka tidak hadir di dalam bilik di mana SP2 menjalankan pemeriksaan ke atas beg perayu. Oleh itu, kami tidak nampak apa-apa motif jahat di pihak pendakwaan kerana tidak memanggil atau menawarkan saksi-saksi ini kepada pihak pembelaan. Begitu juga, kami mendapati daripada naratif kes pendakwaan bahawa kedua-dua mereka bukanlah saksi penting dan material hingga boleh menimbulkan inferens bertentangan di bawah seksyen tersebut.

Ketiadaan Cap Jari

[31] Adalah tidak dipertikaikan bahawa kotak kek P13 dan kedua-dua bungkusan plastik asal dadah yang dipersoalkan (P14A dan P14B) telah dihantar untuk pengesanan cap jari tetapi tiada penimbulan cap jari yang positif dikesan pada ekshibit-ekshibit tersebut. Atas alasan ini, peguam terpelajar perayu menghujahkan ketiadaan cap jari pada ekshibit-ekshibit tersebut turut menjejaskan kes pendakwaan. Kami mendapati tiada merit mengenai penghujahan sedemikian. Tujuan untuk menimbulkan cap jari pada sesuatu ekshibit adalah untuk menentukan identiti pesalah atau orang yang pernah mengendalikan ekshibit tersebut. Dalam kes sekarang ini tidak dipertikaikan bahawa semasa ditahan perayu sedang membawa beg P15 yang di dalamnya terdapat kotak kek P13 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan. Oleh itu tiada keraguan bahawa dia mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg serta kotak kek dan dadah yang terkandung di dalamnya. Setelah elemen jagaan atau kawalan ini terbukti, maka anggapan di bawah s. 37(d) terpakai bagi menunjukkan milikan atau pengetahuan. Oleh itu kami mendapati ketiadaan kesan cap jari pada ekshibit-ekshibit tersebut tidak langsung menjejaskan kes pendakwaan, lebih-lebih lagi setelah menolak watak "Peter" yang dikatakan oleh perayu orang yang memasukkan kotak kek tersebut ke dalam begnya.

A **Penutup**

[32] Dalam kes sekarang ini, kami mendapati tiada sebarang keraguan bahawa perayu mempunyai kawalan ke atas beg P15 dan kotak kek P13 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu
B semasa dia mula-mula kelihatan dan ditahan. Dengan yang demikian anggapan di bawah s. 37(d) Akta boleh digunakan bagi pembuktian milikan dan pengetahuan perayu ke atas dadah tersebut. Kami juga bersetuju dengan penemuan hakim perbicaraan bahawa perayu telah gagal mematahkan anggapan sedemikian
C setelah mendapati keterangannya mengenai peranan Peter tidak boleh dipercayai atau berbarangkali. Begitu juga perbuatan terang-terangan perayu membawa dadah yang dipersoalkan dalam kuantiti yang begitu banyak, yang tidak memungkinkan ia untuk kegunaan sendiri, dalam penerbangan dari Paris ke KLIA setelah berada di
D sana selama tiga hari menyokong penemuan hakim perbicaraan bahawa perayu membawa dadah tersebut, atau menghantarnya kepada seseorang, untuk tujuan pengedaran. Kami juga berpuas hati bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa dia telah mengedar dadah berbahaya seperti
E dalam pertuduhan.

[33] Atas alasan-alasan tersebut di atas, rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman ditolak; dan perintah Mahkamah Tinggi dikekalkan.

F

G

H

I